

PM terima kunjungan tetamu luar

BH 22 JUN 2001
PRESIDEN Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad turut meluangkan masa menerima kunjungan tetamu luar negara yang dijemput menghadiri Perhimpunan Agung Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

Seramai 53 perwakilan dari 22 negara dan 24 parti politik mengadakan pertemuan singkat ketika perbahasan ucapan berlangsung di Dewan Merdeka.

Antara perwakilan yang hadir ialah Parti Komunis Cuba; Kongres Kebangsaan Afrika; Parti Kebebasan Sri Lanka; Parti Bhartiya Janatan (India); Pertubuhan Kebangsaan Melayu Singapura dan Majlis Keamanan dan Pembangunan Myanmar.

Terdahulu, Dr Mahathir menerima kunjungan Penasihat Politik Presiden Republik Yaman merangkap Setiausaha Parti Kongres Rakyat Kebangsaan (GPC), Dr Abdul Karim Al Iryani.